

PERBARISAN AJUTAN INSTAR KALI KE-2 TAHUN 2019

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4854-perbarisan-ajutan-instar-kali-ke-2-tahun-2019



SUBANG, 22 Apr 19. Institut Pengajian Pentadbiran dan Pengurusan (INSTAR) telah mengadakan Perbarisan Ajutan INSTAR kali ke-2 bagi tahun 2019. Perbarisan yang diketuai oleh Lt M Noramizan bin Bedul TUDM itu terdiri daripada Penuntut Kursus Asas Pegawai Tadbir Siri 43/19, Kursus Pembantu Pentadbiran Peningkatan Kelas I Siri 64/19, Kursus Penyelia Kanan Siri 229/19, Kursus Asas Pembantu Pentadbiran Kelas I Siri 64/19, Kursus Asas Pembantu Pentadbiran Kelas II Siri 80/19, dan jurulatih serta staf INSTAR.





Semasa ucapan perbarisan tersebut, Ajutan INSTAR telah menekankan tentang disiplin anggota dan mengingatkan tentang Direktif No 5 iaitu Penyalahgunaan Dadah Merbahaya dan aktiviti buli dikalangan pelatih kursus yang mana ianya boleh disabitkan kesalahan melanggar Direktif No 18 iaitu Kesalahan Melibatkan Integriti dan Perikemanusiaan. Direktif-direktif yang telah termaktub ini hendaklah dipatuhi oleh semua warga TUDM supaya tidak menjejaskan, mencemarkan nama baik serta kepentingan perkhidmatan TUDM.

Semoga perbarisan ini mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah S.W.T.